



**MAJLIS TADARUS SEMPENA BULAN RAMADHAN
TAHUN 1439 HIJRAH / 2018 MASEHI
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

KENYATAAN AKHBAR

**Hari Isnin, 28 Mei 2018 bersamaan 12 Ramadhan 1439H
Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Kampung Bebatik/Kilanas**

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan Jabatan-Jabatan di bawahnya pada petang tadi telah mengadakan Majlis Tadarus Sempena Bulan Ramadhan Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masehi, bertempat di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Kampung Bebatik/Kilanas.

Hadir selaku Tetamu Kehormat di Majlis Tadarus tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Turut hadir ialah Yang Mulia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Yang Mulia Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Ketua-Ketua Jabatan; pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan KSSUP dan Jabatan-Jabatan di bawahnya serta ahli jawatankuasa takmir masjid berkenaan.

Majlis dimulakan dengan penyampaian sumbangan wakaf oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kepada Tuan Imam Rozisham bin Haji Chuchu, Ketua Imam Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Kampung Bebatik/Kilanas berupa tikar sembahyang sebagai tambahan kepada yang sedia ada bagi kegunaan di masjid berkenaan.

Majlis diteruskan dengan Tadarus Al-Quran di masjid berkenaan didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah. Majlis disusuli dengan berbuka puasa dan Sembahyang Fardu Maghrib berjemaah. Rombongan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) serta Jabatan-Jabatan di bawahnya akan meneruskan Majlis Tadarus ini pada hari Rabu, 30 Mei 2018 bertempat di Masjid Rashidah Sa'datul Bolkihah, Kg Sungai Akar.

Aktiviti bertadarus ini adalah merupakan aktiviti KSSUP dan Jabatan-Jabatan dibawahnya yang diadakan pada setiap tahun pada bulan Ramadhan bertujuan untuk menyemarakkan lagi bulan Ramadhan yang mubarak di samping mendapatkan keberkatan serta ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala.

/TAMAT